

12/09/1997

Kempen kesedaran terhadap aurat

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan bercadang melaksanakan kempen kesedaran berhubung peraturan aurat dalam Islam, terutama yang membabitkan pendedahan rambut wanita Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata kesedaran mengenai pendedahan aurat dalam Islam akan disampaikan secara perlahan melalui aspek pendidikan, bukannya undang-undang.

Sambil mengakui kemungkinan wujud kekeliruan umat Islam dengan ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno Jumaat lalu, Dr Abdul Hamid berkata, maksud Perdana Menteri ialah orang Islam perlu mempunyai sikap toleransi.

"Kerajaan tidak bercadang mempersoalkan kembali isu aurat kerana hukumnya sudah jelas dengan andaian setiap individu Islam di negara ini menyedari kepentingan hukum itu.

"Bagaimanapun, gerakan kesedaran tetap diadakan melalui aspek pendidikan secara perlahan-lahan kepada setiap umat Islam di negara ini," katanya kepada pemberita selepas menutup Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan Islam 1997 di sini, hari ini.

Seminar tiga hari anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Maktab Perguruan Islam (MPI), Bangi turut disokong Mimos dan Majlis Komputer Malaysia (MCCE).

Dr Mahathir ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno berkata, masalah yang dihadapi umat Islam disebabkan sikap mereka yang memberikan keutamaan kepada cara, bukan kepada maksud dan tujuan ajaran Islam sebenarnya.

Penekanan simbol-simbol Islam seperti cara berpakaian, menyimpan janggut dan menutup aurat menyebabkan mereka kurang memberi tumpuan kepada perkara yang lebih berat seperti persaudaraan dan pertahanan.

Dr Abdul Hamid percaya kekeliruan mengenai aurat termasuk penutupan rambut bagi wanita akan dapat diatasi dalam tempoh dua generasi akan datang.

"Pada 1982 kita membenarkan pelajar Islam di sekolah rendah memakai tutup kepala dan kini kita menyaksikan hanya 10 peratus yang belum menutup rambut mereka," katanya.

(END)